

Salah kita semua jemput pekerja asing

KETIDAKSEIMBANGAN faktor penawaran dan permintaan sektor tenaga kerja adalah penyebab utama kebimbangan kerajaan kemungkinan jumlah pekerja asing akan meningkat kepada lima juta orang menjelang tahun 2010. Kebimbangan itu sudah berlaku sekarang cuma tiada data tepat berapa ramai jumlah pekerja asing di Malaysia.

Masalah ini lebih hebat dan mengejutkan lagi apabila laporan dan kajian daripada Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) yang memetik bahawa 20 peratus peluang pekerjaan baru yang wujud dibolot oleh pekerja asing.

Siapakah yang bersalah? Apakah kehairanan majikan yang mengejar keuntungan semaksimum mungkin dan ingin menjimatkan kos upah menyebabkan pekerja tempatan dipinggirkan?

Mengapa kita kena mengambil pekerja asing sedangkan tenaga pekerja tempatan tidak kurang ramainya? Adakah golongan pekerja kita terutamanya orang muda terlalu memilih kerja?

Ke mana perginya puluhan ribu graduan setiap tahun dari IPTA, IPTS, politeknik, institut kemahiran, pusat latihan perindustrian, institut pertanian, kolej komuniti, malah Giat Mara? Ada-

kah mereka ini bekerja di luar negara?

Apakah permintaan majikan tidak seiring dengan penawaran graduan ini yang telah mencakupi beratus jenis kursus teknikal, profesional dan separa profesional? Apakah tiada perancangan teliti permintaan tenaga buruh negara dengan penawaran lepasan institusi yang sudah dibelanjakan berbilion ringgit oleh kerajaan?

Antara alasan serupa yang diberikan ialah golongan muda memilih kerja, tidak mahu kerja berjemur di tengah panas dan meminta gaji yang tinggi. Itu alasan daripada majikan sebagai bukti kenapa mereka perlu mengimport pekerja.

Alasan stereotaip pencari kerja tempatan pula ialah gaji yang rendah tidak setimpal dengan kelulusan, ditawarkan tempat kerja yang jauh daripada keluarga malah faktor kerja di sektor swasta atau kerajaan juga penyebab terlampau memilih kerja.

Ruang yang ditinggalkan oleh pencari kerja rakyat Malaysia yang terlalu hendak dimanjakan ini telah diambil oleh pekerja asing.

Sejarah pengambilan pekerja asing di dunia ini telah membuktikan apabila laluan sudah dibuka, maka mustahil un-

tuk menutup kembali. Selain daripada itu, dengan bermulanya dasar mengizinkan orang asing bekerja, ia sebenarnya telah menggalakkan pendedahan haram ke sesebuah negara, polemik sosiobudaya, masalah sosial dan beban penguatkuasaan undang-undang.

Inilah yang terjadi kepada negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Britain, Perancis, Jepun, Kanada dan Jerman.

Akibat sudah diberi laluan kepada rakyat asing bekerja, maka amat sukar pula untuk membendungnya semula. Statistik di negara-negara maju tersebut telah membuktikan bahawa peratusan pekerja asing yang ada permit dan pendedahan haram semakin meningkat setiap tahun.

Amerika Syarikat pada tahun 2005 telah membelanjakan sebanyak AS\$1 bilion sebagai peruntukan Pengawal Semipadan Negara untuk mengekang kebanyakan pendedahan haram dari Amerika Tengah dan Amerika Latin.

Kita semua, termasuk majikan perlulah menanamkan sikap mengutamakan keperluan tenaga kerja tempatan daripada berkiblatkan kepada tenaga kerja asing. Minda kita mestilah difokuskan bahawa

masih ramai warganegara Malaysia yang dahagakan kerja untuk memperoleh pendapatan yang sedikit sebanyak akan mengubah taraf ekonomi mereka.

Mengapa kita tidak menggunakan sumber tenaga kerja dari Sabah dan Sarawak untuk bekerja di sektor pembinaan di Semenanjung yang rancak membangun? Apakah hasil kerja buruh binaan Indonesia itu begitu bermutu sehingga kontraktor binaan menaruh kepercayaan kepada mereka untuk membina bangunan? Akibatnya banyak bangunan yang runtuh dan rosak struktur binaannya gara-gara kontraktor lebih mengagungkan pekerja Indonesia.

Sikap kita sebagai rakyat Malaysia yang terlampau pemurah dan sering beranggapan segala dari luar negara adalah yang terbaik termasuklah sektor pekerja perlu dihakis mulai sekarang.

Sikap kita yang sering mengagungkan apa sahaja dari luar negara itu lebih bermutu dari buatan tempatan, sebenarnya telah hampir kematu di dalam minda kita. Ini perlu dihakiskan sedikit demi sedikit.

**- SHAFUL BAHRI SAIDIN
Sekinchan, Selangor.**